

# Kemas kini data tanaman dapat keluarkan hasil lumayan

2019-11-30T18:19:39+08:00



**Uggah menyampaikan hadiah dan sijil kepada peserta pada Program 'Team Building' JPN Sarawak 2019.**

KUCHING: Jabatan Pertanian Negeri (JPN) Sarawak digesa mengemas kini data tanaman yang dapat mengeluarkan hasil lumayan bagi mencapai misi Sarawak sebagai pengeksport makanan utama menjelang 2030.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, data yang tepat adalah penting untuk memberi maklumat terkini mengenai jumlah dan lokasi sebenar tanaman yang berpotensi untuk dijadikan tumpuan eksport dari negeri ini.

"Sebagai contoh data bagi pokok durian di mana kita dimaklumkan ada 900,000 tanaman itu di negeri ini. Namun, saya tertanya-tanya di mana lokasi pokok tersebut, maka itu kita perlu data yang tepat agar dapat mengetahuinya.

"Begitu juga dengan tanaman getah, kita banyak pokok getah tapi tidak ramai penoreh. Ini satu masalah bagi kita, justeru data itu penting agar dapat kita menguruskannya dengan baik.

"Kerana, kalau kita tahu di mana kawasan utama penanaman getah ini, ia membolehkan kita membina Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPCC) dan kemudiannya kerja-kerja infrastruktur lain bagi menangani masalah ini," ujarnya ketika berucap pada majlis Program 'Team Building' JPN Sarawak 2019 di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah itu berkata, kerajaan Sarawak meletakkan harapan tinggi kepada kementeriannya dengan memperuntukkan sebanyak RM797 juta dalam belanjawan tahun depan untuk mentransformasikan sektor pertanian negeri ini.

Malahan, kata Uggah, kerajaan Sarawak juga memberi sasaran untuk kementerian mencapai matlamat menjadi negeri pengeksport makanan menjelang 2030.

"Maknanya, kita ada kira-kira 10 tahun lagi untuk mencapai misi ini. Kerajaan telah memberikan peruntukan dan sasaran kepada kita, sementara rakyat pula penuh harapan kerana mereka tahu potensi pertanian negeri ini.

"Sekarang, tugas kita adalah untuk merealisasikan impian ini, jadi mulai sekarang saya mahu anda (JPN Sarawak) hasilkan dasar pengurusan pangkalan data yang teratur. Kita buat perancangan melibatkan semua bahagian, kalau perlu kita bina CPCC.

"Kita harap pada Mac tahun depan, akan tahu di mana lokasi 900,000 pokok durian yang saya sebut tadi agar kita dapat mengetahui dengan jelas jumlah aset kita dan juga untuk perancangan yang lebih baik di masa hadapan," jelasnya.

Beliau turut meminta pegawai bahagian JPN Sarawak untuk mengenal pasti petani yang berjaya memandangkan ia adalah dasar kementerian untuk memiliki petani utama.

Katanya, petani utama digambarkan sebagai usahawan agro yang berjaya dalam aktiviti hiliran, memiliki kilang untuk memproses dan paling penting mempunyai pasaran produk mereka.

Terdahulu, seramai 100 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kanan JPN Sarawak menyertai program itu yang diadakan selama tiga hari bermula 28 November hingga hari ini.

Hadir sama pada majlis tu ialah Menteri Muda Pemodelan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Datuk Roland Sagah Wee Inn, Pemangku Pengarah JPN Sarawak Dr Alvin Chai dan tetamu kehormat lain.

Oleh : Marlinda Mardzuki

Kategory [Sarawak](#)